

Kuala Lumpur timbang beli susu dari Pakistan

BH 19 OCT 2002

ISLAMABAD, Jumaat – Malaysia sedang menimbang untuk membeli susu dan keluaran tenusu lain dari Pakistan sebagai cara untuk mengurangkan ketidakstabilan dagangan yang kini menguntungkan Malaysia, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tetapi terserahlah kepada pengguna Malaysia untuk memutuskan sekiranya mereka ingin bertukar kepada susu Pakistan dan keluaran seumpamanya yang Malaysia kini mendapatkan sumber yang besar dari New Zealand dan Australia, Dr Mahathir memberitahu ahli perniagaan terkemuka Pakistan pada satu dialog di Serena Hotel, di sini, tempat penginapan Perdana Menteri semasa lawatan dua hari, bermula hari ini.

Dr Mahathir berkata, sunguhpun Malaysia mempunyai penduduk seramai 24 juta orang, penggunaan keluaran makanannya adalah lebih daripada kebanyakan negara yang mempunyai penduduk yang lebih besar dan negara itu mengimport barangan daripada hampir seluruh dunia.

“Anda terpaksa bersaing di

dalam pasaran kami untuk melihat sekiranya pengguna kami sukakan rasa keluaran susu anda kerana kami tidak boleh memaksa mereka membeli sesuatu yang mereka tidak suka kerana pasaran kami adalah satu yang amat bebas,” katanya.

Semasa dialog itu, beberapa peniaga Pakistan menekankan kepada Perdana Menteri mengenai pelbagai rangkaian keluaran yang boleh diimport oleh Malaysia bagi mengatasi ketidakseimbangan perdagangan yang kini menguntungkan Malaysia pada nisbah 9:1.

Seorang peniaga berkata, Pakistan mengeluarkan 26 billion liter susu setiap tahun daripada lapan juta lembu dan 40 juta kerbau dan susunya adalah yang kedua paling murah di dunia selepas New Zealand.

Perdana Menteri meminta peniaga Pakistan menghantar lebih banyak rombongan perdagangan ke Malaysia untuk memperkenalkan keluaran mereka kepada pengguna Malaysia.

Beliau juga berkata, Pakistan boleh mengkaji menanam kelapa sawit bagi mengurang-

kan import minyak sawitnya yang kini merupakan barangan import terbesar dari Malaysia.

“Kami mengambil biji getah dari Brazil dan benih kelapa sawit dari Afrika Barat tetapi kami kini mengeluarkan benih lebih baik daripada mereka dan itulah kenapa kami dialu-alukan di negara itu dan kami adalah pengeksport terbesar minyak sawit di dunia,” katanya.

Dr Mahathir juga berkata, kunci kepada kejayaan Malaysia sebagai negara perdagangan adalah dasarnya yang konsisten dan kestabilan politik yang membolehkan negara mempunyai perdagangan sebagai komponen besar daripada Keluaran Dalam Negara Kasarnya (KDNK) daripada malahan Jepun dan Amerika Syarikat.

Katanya, kira-kira 82 peratus daripada eksport Malaysia membabitkan barangan kilang dan dengan hanya 18 peratus komoditi utama.

Dr Mahathir kemudian merasmikan loji kuasa Liberty berharga RM1.8 billion, sebuah pengeluaran kuasa bebas milik sepenuhnya oleh Tenaga Nasional Bhd. – Bernama